

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27/08/2017B

Tiada sebab tukar kerajaan - Najib

UM- 27/8/2017 pg. 4

SIK 26 Ogos - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menegaskan pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan berada pada landasan betul berdasarkan pelbagai pengiktirafan antarabangsa yang diterima negara ketika ini.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, rakyat patut menilai perkara itu dengan sebaik-baiknya dan tidak termakan dengan hasutan pembangkang kononnya kerajaan hari ini perlu ditukar demi menjayakan mimpi besar mereka.

Tambah beliau, selain daripada keistimewaan daripada Kerajaan Arab Saudi untuk jemaah haji negara, Malaysia turut mendapat pengiktirafan daripada pelbagai pihak seperti Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa dan agensi penarafan terkemuka di peringkat antarabangsa seperti Standard & Poor's dan Fitch Ratings.

"Kedudukan ekonomi negara adalah 5.8 peratus pada suku kedua tahun ini iaitu antara yang tertinggi di pe-

ringkat global.

"Selain itu negara juga mendapat sanjungan daripada daripada ulama tersohor Tunisia, Sheikh Rashid Al Ghannushi yang kebetulan menjadi ketua parti terbesar di Tunisia yang dalam temubual yang menyatakan gambaran dan imej Islam Malaysia adalah yang sebenar di dunia.

"Tidak ada sebab nak tukar kerajaan. Ada yang kata konon nak selamatkan negara, ada yang kata perlu tukar kerajaan. Jangan termakan hasutan orang (pembangkang)," tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Sik di Kompleks Sukan Perdana Majlis Daerah Sik di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mahdzir Khalid yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO; Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ketua UMNO bahagian, Datuk Mohd. Tajudin Abdullah.